




ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/index>



PERANG BETING MARAU 1849: KEMUCAK KEPADA KONFLIK IBAN DAN RAJAH BROOKE

Gregory Kiyai @ Keai^{a*}

^a City Graduate School, City University Malaysia 46100 Petaling Jaya, Selangor Malaysia

*Corresponding author: gregory_kiyai@yahoo.com

ARTICLE INFO

Article history:

Received

03-08-2022

Received in revised

26-10-2022

Accepted

08-11-2022

Available online

31-12-2022

Keywords:

Beting Marau, James Brooke, Iban, peristiwa perang, Sarawak

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

ABSTRAK

Peristiwa Perang Beting Marau yang berlaku pada 31 Julai 1849 merupakan sebuah titik akhir kepada penentangan Iban dari Saribas dan Skrang terhadap kekuasaan Brooke di Sarawak. Biarpun selepas peristiwa tersebut, Rentap bersama-sama pengikutnya masih berjuang sampai ke akhir hayatnya. Walau bagaimanapun kekuasaan Brooke dalam meluaskan empayaranya di Sarawak tidak dapat dibendung oleh dua kumpulan etnik ini iaitu Iban dari Saribas dan Skrang yang merupakan kumpulan Iban yang terakhir tunduk akan kekuasaan Rajah putih tersebut. Persoalan kajian adalah melihat bagaimana hubungan masyarakat Iban dari Saribas dan Skrang dengan James Brooke yang sehingga akhirnya membawa kepada kemuncak konflik Perang Beting Marau 1849. Penyelidikan ini adalah bersifat Sejarah iaitu memfokuskan kepada hubungan Brooke dan Iban dari Saribas dan Skrang berdasarkan penulisan lepas iaitu buku dan jurnal. Dapatkan mendapat selepas berlakunya Perang Beting Marau pada 1849 telah mengubah landskap kebudayaan masyarakat Iban terutamanya budaya Ngayau dan penerapan agama Kristian dalam komuniti tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini adalah sangat signifikan untuk melihat perspektif sejarah dari penulisan tempatan bagi membantu menyeimbangi penulisan yang bersifat colonial narratives

ABSTRACT

The event of the Beting Marau War that occurred on July 31, 1849 was an end point to the resistance of the Ibans from Saribas and Skrang against Brooke's rule in Sarawak. Even after the incident, Rentap and his followers still fought until the end of their lives. However, Brooke's power in expanding his empire in Sarawak could not be stopped by these two ethnic groups, namely the Iban from Saribas and Skrang, which is the last Iban group to submit to the power of the white Rajah. The research question is to look at how the relationship between the Iban community from Saribas and Skrang and James Brooke led to the climax of the 1849 Beting Marau War. This research is historical in nature, focusing on the relationship between Brooke and the Iban community from Saribas and Skrang based on past writings such as books and journals. Findings found that after the Beting Marau War in 1849 had changed the cultural landscape of the Iban community, especially the Ngayau culture and the application of Christianity in the community. Therefore, this paper is very significant to see the historical perspective from local writing to help balance writing that is colonial narratives.

© Gregory Kiyai @ Keai 2022. All rights reserved.

DOI: <https://doi.org/10.58247/jdmssh-2022-0502-10>

Pengenalan

Sejak abad Ke-15, kuasa-kuasa Eropah mula mencari tanah jajahan di Asia Tenggara. Faktor tersebut telah menarik minat kedatangan pengembara, pedagang dan syarikat perdagangan dan membuka jalan ke Timur untuk mencari peluang ekonomi dan wilayah jajahan (Ballak dan Samsudin, 2015). Kedatangan kuasa-kuasa Eropah ke Asia Tenggara terutamanya gususan Kepulauan Melayu-Indonesia adalah bertujuan untuk menyebarkan fahaman 3G iaitu *Gold*, *Glory* dan *Gospel* iaitu untuk memngumpulkan

kekayaan melalui penyalinan rempah-ratus di Asia, penyalinan kawasan jajahan baharu bagi membentuk sebuah koloni yang kuat dan sebuah usaha untuk mengembangkan agama Kristian. Konsep *Gold, Glory* dan *Gospel* adalah bermula dengan sebuah perjanjian iaitu *Tordesilas Spanyol* pada tahun 1494 untuk melancarkan misi Paus Alexander VI bagi mencapai objektif pengumpulan kekayaan, kemenangan dan penyebaran agama Kristian Katolik ke seluruh dunia. Selain itu, kedatangan kuasa-kuasa Eropah turut dipengaruhi oleh kekayaan rempah ratus di Asia. Pada ketika itu, masyarakat di Eropah menyedari akan kepentingan rempah ratus digunakan dalam masakan, pewangi, ubat-ubatan dan pengawet makanan. Menurut Hussin (2008) rempah ratus seperti cengkik, buah pala dan mace mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pedagang Arab, Parsi dan India kerana nilai pasarnya yang tinggi. Selain itu, komoditi lada hitam juga sangat terkenal sebagai komoditi niaga bagi bangsa Eropah untuk kegunaan rempah-ratus dan bahan pengawet. Oleh sebab itu, sepanjang abad Ke-17 sehingga abad Ke-19, banyak bandar perlabuhan utama di sepanjang pantai Lautan Hindia-Asia Tenggara dan Laut China Selatan telah dikuasai oleh kuasa-kuasa besar dari Eropah. Tujuannya adalah untuk memonopoli kekayaan ekonomi seperti rempah-ratus dan peluang perniagaan yang strategik dan menguntungkan dari para pelayar yang datang bermiaga dan singgah berlindung dari angin monsun.

Sejak masyarakat Eropah mula menerokai lautan, Portugis merupakan kuasa Eropah yang pertama sampai dan menapak di Malaysia iaitu perlabuhan Melaka. Kemudiannya, kedudukan Protugis telah dicabar oleh kuasa-kuasa Eropah yang lain seperti Sepanyol, Belanda, Inggeris dan Perancis. Dalam tempoh itu, penguasaan bandar perlabuhan besar seperti di Surat, Colombo dan Melaka telah beberapa kali bertukar tangan daripada beberapa kuasa Eropah kerana persaingan mereka dalam merebut kedudukan geografi dan potensi perniagaan yang strategik. Di Borneo, kedatangan kuasa-kuasa Eropah telah bermula sekitar abad Ke-16 iaitu dengan kemaraan kuasa Portugis pada tahun 1518 seperti yang telah dicatatkan oleh Pigafetta seorang ahli sejarah dari Itali yang datang bersama-sama dengan Magellan dan kumpulan armada kapalnya yang telah berlabuh di Brunei (Ballak dan Samsudin, 2015). Jejak pergembalaan Magellan ke Pulau Borneo telah mempengaruhi kedatangan kuasa Portugis pada tahun 1526 sehingga 1530. Kemudian pada tahun 1521, Sepanyol yang berada di Filipina telah berdagang di Brunei dan pada tahun 1645, armada Sepanyol pernah menyerang Brunei kerana tindak balas terhadap kegiatan dan rompakan lanun yang ganas di perairan Brunei dan mengganggu aktiviti perdagangan mereka. Selain itu, sekitar tahun 1600, Belanda telah masuk ke Pulau Borneo dan mula membuka loji perdagangan mereka lalu diikuti oleh kuasa British pada tahun 1609 sebagai usaha untuk mengukuhkan kekuasaan mereka dalam negara kolonial masing-masing (Harrisson, 1972). Walau bagaimana pun, sebelum kemasukan kuasa-kuasa dari Eropah, Kepulauan Borneo sangat terkenal dalam kalangan pedagang dari Arab dan China yang mengatakan bahawa Borneo adalah sebuah pulau yang kaya dengan emas, barang kemas dan rempah. Secara tidak langsung, berita mengenai kegemilangan Pulau Borneo telah menjadi faktor penarik yang membawa kepada kemasukan kuasa-kuasa dari Eropah. (Irwin et al, 1986: Banks, 1947: Walker, 2016). Termasuklah James Brooke seorang pedagang Inggeris yang berminat dengan Sarawak pada ketika itu. Kemasukan dan kekuasaan James Brooke telah menerima penentangan yang hebat sehingga mencetuskan kontroversi dengan tercetusnya peristiwa perang besar iaitu Perang Beting Marau pada tahun 1849 yang telah mengorbankan banyak nyawa masyarakat Iban.

Campur Tangan Brooke di Sarawak

Penaklukkan awal kuasa asing di Sarawak adalah berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Sebagaimana yang diketahui bahawa, penaklukan tanah jajahan di Asia Tenggara adalah dimonopoli oleh syarikat perdagangan yang membawa misi dan visi negara, namun di Sarawak penaklukan awal oleh kuasa asing adalah didominasi oleh sebuah keluarga dari Inggeris. Menurut Buyong Adil (1981) kedatangan keluarga Brooke ke Sarawak bermula apabila Gabenor Singapura meminta James Brooke untuk menyampaikan hadiah dan ucapan terima kasih kepada Pangiran Muda Hashim kerana menghulurkan bantuan kepada kelasi-kelasi kapal milik Inggeris yang karam di Sungai Sarawak. Kebetulan pada ketika itu, James Brooke yang berada di Singapura sedang bersiap untuk melakukan pelayarannya ke Pulau Borneo. Pada 27 Julai 1839, Brooke telah bertolak meninggalkan Singapura dan sampai di Sungai Sarawak iaitu di Santubong lalu mudik ke Kuching untuk berjumpa dengan Pangiran Muda Hashim. Sejak dari pertemuan tersebut, James Brooke dikatakan telah menjalinkan persahabatan yang erat dengan Pangiran Muda Hashim (Buyong Adil, 1981).

Awalnya, tujuan James Brooke adalah untuk belayar dan berdagang dan tidak berniat untuk menjajah Sarawak. Oleh itu, pada 28 September 1839, beliau telah meninggalkan Sarawak dan meneruskan semula pelayaranya ke Sulawesi dan beberapa tempat lain di sekitarnya. Namun, pada 18 Ogos 1840, James Brooke dilaporkan belayar semula ke Sarawak yang pada ketika itu Kuching di dalam keadaan yang huru hara akibat pemberontakan oleh penduduk tempatan yang tidak berpuas hati dengan sikap Pangiran

Mahkota iaitu Pangiran Muda Hasim yang telah menindas penduduk Bidayuh, Cina dan Melayu. Kezaliman Pangiran Mahkota terhadap penduduk tempatan telah menyebabkan pemberontakan yang diketuai oleh Datu-Datu Melayu tempatan, termasuklah Pangiran Usop. Melihat kepada situasi yang tidak terkawal, Pangiran Muda Hashim telah meminta bantuan daripada James Brooke untuk menamatkan pemberontakan tersebut dengan menawarkan ganjaran akan memberi kuasa dan kedudukan di Sarawak (Mujani & Yusof, 2010).

Menurut Payne (1991) berdasarkan kepada penelitiannya iaitu dengan kesepakatan yang dilakukan pada tahun Nabi 1257, pada pukul dua belas tengah hari, hari ketiga puluh bulan Rejab, bahwasanya Putera Muda Hasim, putra dari Almarhum Sultan Mohammed dengan hati murni bersetuju untuk memindahkan kuasa ke atas Negeri Sarawak kepada James Brooke bersama dengan semua tanggungannya dan pendapatan negeri ini di masa sekarang dan masa depan. Selain itu, dalam perjanjian tersebut telah bersetuju untuk membayar sejumlah wang bernilai seribu dollar Sepanyol kepada Sultan Brunei dan berjanji untuk menghormati undang-undang dan adat istiadat orang Melayu di Sarawak dan sekaligus tunduk akan kedaulatan Sultan Brunei, Pangiran Muda Hashim dan orang Melayu.

Walau bagaimana pun, menurut Muda dan Kusrin (2003) keputusan perjanjian yang dibuat oleh pihak Sultan Brunei telah menyebabkan James Brooke tidak berpuas hati. Beliau telah mengugut dan memberikan tekanan kepada Pangiran Muda Hashim sehinggakan pada 24 September 1841 telah memaksa baginda untuk melantik James Brooke menjadi Gabenor Sarawak. Akhirnya, pada 31 Julai 1842, Sultan Omar Ali Saifuddin II iaitu sultan yang memerintah Brunei ketika itu telah mengangkat James Brooke sebagai Rajah Putih yang pertama di Sarawak apabila Brooke bersetuju untuk membayar £1,000 setiap tahun kepada Sultan Brunei. Dengan penyerahan tersebut, maka bermulalah era penjajahan Inggeris di Sarawak dan James Brooke mempunyai kuasa mutlak yang diwarisi kepada keturunannya dalam memerintah Sarawak. Pada awal pemerintahan Brooke, beliau hanya menguasai kawasan Kuching, kemudian atas sebab kerakusannya terhadap aktiviti perluasan kuasa, beliau telah menguasai lebih banyak kawasan di Sarawak dengan menggunakan kekerasaan dan cara paksa. Pada tahun 1846, Brooke berjaya menawan Kuala Samarahan dan pada tahun 1853 kawasan jajahannya menyebar luas sehingga ke Sadong, Lingga, Skrang, Saribas dan Sri Aman. Kejayaan Brooke tersebut tidak terhenti disitu apabila pada tahun 1861, Brooke telah berjaya menawan Rajang dan kemudian Bintulu sehinggalah mendapatkan Trusan dan Limbang dari Brunei pada tahun 1890 (Awang Asbol,2004).

Menurut Sabihah Osman (1972) Sarawak merupakan salah sebuah wilayah Kesultanan Brunei sebelum dijajah oleh Rajah Brooke pada 1841 namun kuasa autonaminya adalah berdasarkan kepada kuasa seorang pembesar yang dilantik oleh Sultan Brunei. Setiap batang sungai seperti Batang Lutar, Batang Skrang, dan Batang Saribas adalah diperintah oleh sherif-sherif yang dianggap berketurunan Arab. Di area batang sungai yang banyak diduduki oleh orang-orang Dayak, kuasa pembesar-pembesar Brunei iaitu Sherif berketurunan Arab lebih berpengaruh daripada pembesar-pembesar Melayu. Mereka -mereka ini seperti Sherif Usman dan Sherif Mullah yang memerintah Saribas dan Skrang telah dapat mempengaruhi penduduk-penduduk Iban di batang sungai tersebut menjadi pengikut setia mereka dalam aktiviti perlanungan. Selain itu, ketaatan masyarakat Iban yang sanggup berpihak kepada Sherif-Sherif tersebut adalah kerana melihat kepada keuntungan yang besar bagi mereka untuk mendapatkan kepala musuh dalam aktiviti Ngayau dan bebas untuk bergerak tanpa sekatkan ke seluruh pelusuk Sarawak bagi mencari penempatan baharu. Secara tidak langsung, perkara ini telah menimbulkan perasaan yang tidak senang kepada James Brooke yang baharu sahaja memulakan pentadbirannya di Sarawak terutamanya sikap perjudisnya terhadap Iban dari Saribas dan Skrang yang dianggap kejam dan tidak bertamadun kerana tradisi pemburuan kepala (Durin, 2014:7).

Iban dalam konteks perlanungan

Menurut Ali (2013) penglibatan awal masyarakat Iban atau dikenali sebagai Dayak Laut dalam aktiviti perlanungan adalah dipengaruhi oleh kekusutan politik Kesultanan Brunei di Sarawak yang telah memaksa Pangiran Indera Mahkota (bekas Gabenor Brunei di Sarawak) bersama-sama dengan bekas Gabenor Brunei yang lain seperti Sherif Masahor di Rejang, Sherif Sahab di Sadong, Sherif Jaffir dan Sherif Mulla di Skrang yang telah mempengaruhi orang-orang Iban untuk menyertai ekspedisi pemburuan hamba dan merompak kapal dagang Barat. Jemputan tersebut telah disambut dan diterima baik oleh beberapa orang ketua dan pemimpin Iban. Pernyataan tersebut turut dijelaskan oleh Richard (1992) dan Lewis (2019) mengatakan bahawa sebagai tanda penentangan para pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak terhadap kekuasaan rejim Brooke, maka dengan bantuan orang-orang Iranun telah memobilisasikan masyarakat Iban (Dayak Laut) yang menetap di kawasan lembah sungai dan pendalam Sarawak untuk menjadi lanun.

Walau bagaimana pun, pernyataan tersebut telah dibidas oleh Sabihah Osman (1974) mengatakan bahawa bukan orang-orang Melayu (merujuk kepada pembesar Brunei) yang bertanggungjawab melatih dan mendorong orang-orang Iban di Saribas, Skrang dan Batang Lutar menjadi lanun yang ganas serta menyebabkan aktiviti pemburuan kepala berleluasa. Beliau mengatakan bahawa aktiviti perlanuan berlaku di Sarawak adalah dilakukan atas tujuan-tujuan tertentu bersesuaian dengan kehendak kedua-dua pihak. Golongan pembesar Melayu Brunei mengambil tindakan untuk menjadi lanun adalah kerana desakan hak-hak politik dan ekonomi mereka yang terancam selepas tibanya kemasukan orang Barat. Sementara itu, orang-orang Dayak Iban terutamanya yang tinggal di kawasan Saribas dan Skrang mengambil bahagian menjadi pengikut-pengikut pembesar Melayu Brunei kerana ingin mendapatkan kepala musuh dan kepuasan yang bersesuaian dengan sifat dan budaya mereka yang suka mengembara dan berperang. Perkara ini adalah dipengaruhi oleh faktor geografi masyarakat Iban Saribas dan Skrang yang lebih terbuka dan memudahkan pengaruh luar untuk sampai dan meresap ke kawasan mereka, tambahan pula keadaan tanah di Saribas dan Skrang yang tidak subur seperti di bahagian ketiga (Sibu dan Mukah) dan Bahagian pertama (Kuching, Lundu dan Simunjan) menyebabkan mereka semakin agresif, ganas dan senang dipengaruhi oleh pengaruh luar.

Secara amnya, masyarakat Iban tidaklah menjadikan maritim sebagai budaya kehidupan mereka seperti mana orang-orang Iranun dan Balangingi di Kepulauan Sulu. Mereka adalah masyarakat agaria yang mengamalkan pertanian pindah dan aktiviti pemburuan kepala (Ali, 2013). Menurut Dickson (1956) dan Sandin (1967) budaya melanun dalam masyarakat Iban suatu ketika dahulu bukanlah diwarisi dari nenek moyang melainkan dipengaruhi oleh kuasa-kuasa luar terutamanya mantan pembesar Brunei dan pembesar Melayu di Sarawak. Faktor utama yang menyebabkan pemimpin Melayu dan Brunei berminat untuk mengambil Dayak Laut (Iban) sebagai pengikut mereka adalah disebabkan masyarakat tersebut memiliki kekuatan dan teknik perang yang luar biasa, berani dalam menghadapi musuh, mampu beradaptasi dengan apa juga jenis persekitaran, tahan lasak, setia dan tidak memiliki keinginan yang materialistik terhadap harta benda serta hamba. Secara tidak langsung, menjadikan Dayak Laut sebagai pengikut sememangnya memberi keuntungan yang besar kepada pembesar Melayu dan Brunei ketika itu. Selain itu, tujuan masyarakat Iban berminat untuk menyertai kegiatan lanun pada masa dahulu bukanlah disebabkan untuk mendapatkan hamba atau hasil dagang tetapi lebih bertujuan untuk memenuhi sebahagian dari sosio-kebudayaan mereka yang telah diamalkan sejak turun temurun iaitu mengembara dan memburu kepala manusia atau dikenali sebagai Ngayau (Kiyai, 2021).

Iban dan James Brooke: Kisah terjadinya sebuah konflik

Sebaik sahaja Brooke memiliki kuasa mutlak di Sarawak pada tahun 1840, beliau telah melancarkan kempen anti lanun dan menghapuskan sistem perhambaan yang dianggap sebagai devastating system dengan cara mengubal udang-undang dan menubuhkan Court of Justice (Warren, 2002:7). Kempen yang dilaksanakan oleh Brooke telah disambut baik oleh beberapa pegawai dari Eropah iaitu Kapten Edward Belcher, Kapten Rodney Mundy, Kapten Henry Keppel, Kapten Farquhar, Leftenan R.N Wade dan Sir Thomas Cochrane (Ali, 2013). Menurut Wadley (2001) Iban dari kawasan Saribas dan Skrang adalah dua kumpulan lanun yang ganas dan menetap di Batang Lutar, kira-kira enam puluh batu di timur Kuching. Mereka ini terkenal dan ditakuti oleh penduduk yang menetap di sepanjang Pantai Barat Borneo. Ancaman mereka ada kalanya meluas sehingga ke Banjarmasin dan Sulawesi. Di mana, masyarakat Iban di Skrang adalah diketuai oleh Rentap manakala masyarakat Iban di Saribas bertuankan orang Melayu iaitu Abang Apung dengan pembantunya Linggir, seorang Iban yang berasal dari Paku. Kumpulan ini sering melakukan aktiviti Ngayau (memburu kepala) di kawasan sekitarnya sehingga nama mereka menjadi terkenal dan ditakuti oleh penduduk sekitar.

Menurut Tahir dan Mohd Noor (2017) Dayak Laut iaitu merujuk kepada masyarakat Iban, selalunya mereka akan menjalankan operasi semasa tibanya Monsun Barat Daya. Oleh sebab itu kumpulan ini dikenali oleh orang tempatan sebagai "Lanun Angin". Menurut Ali (2013) tindakan pelanun-pelanun di perairan laut China Selatan seperti Iranun, Balangingi dan Dayak Laut (Iban) yang seringkali merompak kapal-kapal dagang Barat dan menjadikan anak-anak kapal sebagai hamba untuk dijual adalah menjadi ancaman kepada seluruh kapal dagang yang melalui laluan tersebut. Perkara ini turut dijelaskan oleh Rawlins (1969) bahawa orang-orang Dayak seringkali merompak dan memusnahkan kapal-kapal dagang dan pangkalan perdagangan milik Eropah di Kepulauan Melayu. Contohnya, pada 8 Disember 1848 telah terjadi satu serangan lanun oleh Dayak Laut (Iban) bersama-sama dengan kumpulan lanun dari Iranun dan Balinggi merompak dan menculik anak kapal *Minerva* di pantai barat kepulauan Borneo Utara. Selain itu, pada tahun 1810, kapal layar British iaitu *Comerse* telah mengalami kerosakan yang teruk di muara Sungai Sarawak akibat diserang dan ditawan oleh kumpulan Dayak Laut (Iban) serta mereka telah merampas

kargo, senjata dan menjual anak kapal sebagai hamba kepada Brunei. Pekara ini telah menyebabkan ramai pelayar terkemuka Eropah seperti Alexander Dalrymple, Wiliam Dampier, dan Hunt takut untuk berlayar ke perairan Borneo (Ali, 2013).

Misi James Brooke membanterasi masalah lanun

Dalam menjayakan misi penghapusan dan lanun di Sarawak, James Brooke telah menyebarkan propaganda berbaur negatif terhadap masyarakat Iban, terutamanya Iban Saribas dan Skrang. Beliau telah mengelarkan Iban Saribas dan Skrang adalah sebagai perompak di darat dan lanun di laut serta membunuh sesiapa sahaja yang dirasakan cuba untuk menentang mereka. Brooke turut mengatakan bahawa Iban Saribas dan Skrang adalah pemalas dan hanya akan merayau-rayau di kawasan jiran sekiranya tidak melanun. Mereka juga turut disifatkan sebagai pengikut yang tidak setia dan mudah belot apabila merasakan kuasa mereka sudah lebih besar daripada tuannya. (Low, 2010). James Brooke pernah menggunakan cara lembut untuk memujuk dan mengarahkan Iban Saribas dan Skrang patuh lalu menghentikan kegiatan melanun dan pemburuan kepala. Walau bagaimanapun, arahan tersebut telah diperlekehkan oleh ketua Iban di Saribas dan mengejek Brooke secara sinis iaitu dengan mengantungkan sebiji raga di pokok yang tinggi sebagai simbolik untuk tempat penyimpanan kepala Rajah Putih tidak lama lagi. Malah, James Brooke sempat menjemput Linggir, Rentap, Orang Kaya Pemancha Dana dan pengikutnya untuk menyerahkan diri dan tunduk dengan kerajaan baharu Brooke di kapalnya di Tanjung Sebuluh. Semasa pertemuan tersebut, Brooke ada mengambarkan Linggir sebagai pahlawan Iban yang bertubuh agak kecil dari bangsa Eropah namun mempunyai badan yang sasa, mempunyai pandangan mata yang tajam, mempunyai kekuatan, pintar dan pandai menjangkakan apa yang akan berlaku di masa hadapan (Nyalong dan Johnny, 2009).

Kekuasaan Iban Saribas dan Skrang ini bukan hanya mengundang perasaan tidak puas hati terhadap pembesar dari Barat, namun turut mempengaruhi masyarakat Iban yang lain terutamanya Iban dari Undup, Lingga dan Sebuyau. Menurut Kiyai (2021) mengatakan pada tahun 1837, Orang Kaya Pemancha Dana telah membuat pekat (perkumpulan) "*Bejalai ka Bungai Jarau*" dengan ketua-ketua Iban dari Saribas untuk menyerang Iban dari Undup dan Iban Dau yang selalu menganggu aktiviti *Ngayau* masyarakat Iban di Kumpang dan Lemanak. Teknik serangan Kayau Serang adalah dengan membakar rumah panjang, sementara itu, pahlawan Iban akan bersembunyi di suatu tempat untuk menunggu musuh keluar dari rumah. Kaum perempuan dan kanak-kanak akan dilepaskan dan dibiarkan melaikan diri, manakala kaum lelaki akan dipenggal kepala dan sesetengahnya akan dijual untuk dijadikan hamba. Secara amnya, pertelingkahan di antara suku-suku Iban dengan etnik lain di Sarawak telah lama terjadi sebelum ketibaan Brooke ke negeri itu (Sandin, 1967).

Nama Orang Kaya Pemacha Dana anak Bayang adalah sebuah nama yang sangat digeruni bukan hanya di Sarawak, bahkan di Kalimantan kerana pengaruhnya dalam peperangan yang sangat berani dan berkuasa. Beberapa siri peperangan yang telah diketuai oleh beliau menggunakan perahu bangkong seperti pada pertengahan tahun 1800 diceritakan bahawa Orang Kaya Pemancha Dana telah menyerang rumah panjang etnik Selako dan perkampungan Melayu Pontianak yang terletak di Sungai Raya, Kalimantan. Beliau telah memimpin 120 buah perahu bangkong yang terdiri daripada pahlawan Iban dari Saribas dan Skrang. Selain itu, pada tahun 1804, sekali lagi Orang Kaya Pemancha Dana bersama-sama rombongan kanannya iaitu terdiri sekaligus dianggap sebagai saudaranya iaitu Sabok Apai Maang, Uyu Apai Ukum, Unal Bulan, Igoh Apai Lamban, Orang Kaya Akun Bedindang, Isek dan Senaang bersama-sama dengan pemimpin Melayu dari Saribas dan Skrang telah menyerang sebuah pekan kecil di Pekan Sambas, Kalimantan.

Menurut Baring-Gould dan Bampfylde (1909) etnik Bidayuh pernah meminta James Brooke untuk memastikan bahawa Pangiran Indera Mahkota dan rakan sekutunya iaitu Iban Skrang tidak lagi menyerang perkampungan mereka dan mengambil wanita serta anak-anak kecil untuk dijadikan hamba tebusan. Mereka turut meminta agar kesemua yang telah diculik untuk dihantar pulang ke pangkuhan keluarga mereka. Di samping itu, mereka ingin memastikan keselamatan dari Brooke untuk tidak diserang oleh Iban Skrang di kemudian hari. Bagi masyarakat Melayu Sarawak yang diketuai oleh Datu Patinggi Ali adalah menginginkan agar Pangiran Indera Mahkota tidak lagi menjadi Gabenor di kawasan mereka dan ingin membebaskan diri mereka daripada kekuasaan kerajaan Brunei. Kesemua permintaan tersebut telah dilaksanakan oleh Brooke bagi mendapatkan sokongan daripada penduduk tempatan untuk memerangi lanun Dayak Laut. Demi memastikan keselamatan penduduk Bidayuh dan Melayu Sarawak, maka sebuah kubu di kawasan Berlindah yang terletak beberapa kilometer daripada Siniawan telah dibina bagi mengekang serangan mengejut oleh Iban Saribas terutamanya apabila musim *Ngayau* (memburu kepala). Selain itu, perpaduan yang sangat kuat di antara penduduk Melayu dan Dayak di Saribas, dianggap sebagai

satu ancaman kepada kekuasaan Brooke dalam jangka masa panjang. Menurut Pringle (1970) James Brooke berpendapat untuk menguasai orang-orang Dayak di Skrang, Saribas dan Batang Lutar, rejimnya mestilah menguasai orang-orang Melayu terdahulu untuk menyokong Brooke dan bersama-sama berjuang menentang Dayak Iban yang dianggap lanun.

Operasi penghapusan Iban Saribas dan Skrang

Pada tahun 1841, James Brooke telah menulis sepucuk surat kepada James Gardner iaitu Setiausaha Negeri bagi wilayah koloni British untuk dikemukakan kepada pemerintah Inggeris agar merestui Sarawak sebagai kawasan jajahannya. Surat Brooke tersebut telah diterbitkan sebagai pamflet pada tahun 1842 dengan menetapkan visi baharu kepada Sarawak. Dalam makalah tersebut Brooke menyatakan hasratnya untuk membasmikan dan membanteras kegiatan lanun yang selalu menganggu perdagangan dan menyerang kapal-kapal dagang milik Inggeris. James Brooke turut menekankan mengenai undang-undang baharu yang akan dilaksanakan oleh beliau di Sarawak dan peranan baharunya sebagai Rajah di negeri itu. Ternyata, usaha Brooke dan Kepple untuk membanterasi aktiviti perlanunan di Sarawak mendapat sokongan yang positif daripada Syarikat Hinda Timur yang berpangkalan di Singapura dan di Kalimantan. Namun demikian, kerajaan British tidak ingin menyokong visi dan misi yang dikemukaan Brooke kerana mereka lebih berminat sekiranya Sarawak diambil sebagai kuasa autonomi British (Ward, 1966).

Menurut catatan Kapten Kepple yang baru berusia 32 tahun pada ketika dia bertemu dengan James Brooke ketika makan malam di Singapura pada 17 Mac 1843, semasa makan Brooke telah memberitahunya mengenai sebuah cerita lanun yang dimonopoli oleh Dayak Laut dan keganasan mereka di sepanjang Sungai Sarawak sehingga ke Semenanjung Melayu. Di samping itu, Brooke turut menyatakan visi yang telah lama dirancang oleh beliau iaitu sebuah modus operandi untuk memerangi Dayak Laut ini di penempatan mereka di Saribas dan Skrang. Pada awalnya, Kepple agak keberatan untuk menyertai ekspedisi Brooke apabila mengenangkan kesannya sama seperti pengalamannya di China dan menyamakannya dengan "*rumours of another China war*" yang boleh mengakibatkan kerosakan besar terhadap kapal miliknya. Walau bagaimanapun pada 1 Mei, beliau telah berubah pandangan dan mengajak Brooke menaiki kapal miliknya iaitu *Dido* untuk ke Sarawak bagi menyiapkan ekspedisi mereka iaitu membanterasi lanun laut. Dua tahun berikutnya, pada tahun 1843 sehingga 1844 Brooke telah menjalankan kerjasama rapat iaitu mengwujudkan visi dan misi dengan Kapten Sir Henry Keppel dalam merangka modus operandi untuk membanteras kegiatan dan penempatan Dayak Laut di Saribas dan Skrang dengan sokongan tentera Inggeris (Keppel, 1899).

Pada tahun 1843, Kapten Henry Keppel yang merupakan komander Kapal *H.M.S Dido* telah tiba dan menyusur masuk ke Sungai Saribas dan Batang Lutar untuk membuat tinjauan awal lokasi Dayak Laut yang digelar sebagai "*Vikings of Eastern Seas*". Sebelum ini, Kepple telah beberapa kali ke Sarawak dalam membanteras masalah lanun, beliau bersama-sama pasukan tenteranya telah mencuba pelbagai usaha seperti menghapuskan penempatan mereka dan menenggelamkan perahu mereka namun masalah lanun tetap tidak selesai sehingga pada akhirnya memutuskan untuk melakukan serangan besar di pangkalan utama yang menjadi penempatan para lanun iaitu di kawasan masuk ke muara Sungai Saribas di perairan Beting Marau. Sepanjang perjalanan tersebut, beliau telah melihat beberapa buah perahu besar milik Dayak Laut yang disebut sebagai *Bangkong* yang memang digunakan khas oleh masyarakat Iban dalam aktiviti Ngayau (Keppel, 1847: Ali, 2013).

Selain itu, Munsyi Abdullah mencatatkan dengan teliti bagaimana Dayak Iban yang bertatu serta tegap fizikalnya mampu belayar sehingga ke Tanah Melayu sekitar tahun 1830 dengan perahu mereka yang unik. Berdasarkan Warren (2002) *perahu bangkong* ini mempunyai kelajuan yang luar biasa bersandarkan kepada kain luar yang diperbuat daripada kajang kanvas seolah-olah menyerupai kapal perang Eropah. Buktinya, apabila pahlawan Iban dari Saribas mampu mematahkan cubaan pelanun Iranun menculik wanita-wanita Iban dan kanak-kanak kecil untuk dijual dijadikan hamba abdi selepas melakukan modus operandi rompakan secara besar-besaran di muara Sungai Saribas. Menurut informan *Lemambang* Buchaw Undan (80 tahun) semasa pembuatan *perahu bangkong*, seluruh permukaannya akan diukir menggunakan motif-motif tradisional Iban yang dipercayai mempunyai unsur-unsur spiritual dan *Upacara Miring* (upacara persembahan makanan kepada roh Petara) yang diketuai oleh *Renong Kayau* (tukang tilik) akan diadakan semasa pertama kali meletakkan *perahu bangkong* diatas air. Mengikut cerita informan Kiyai Uri (70 tahun) kepercayaan Iban dewan perang iaitu *Sengalang Burung* akan bersama-sama menyertai ekspedisi *Ngayau* dan menyebarkan semangatnya agar pahlawan Iban sentiasa berani berhadapan dengan musuh di medan perang. Pahlawan Iban yang turun beperang memiliki hati yang berani, ketangkasan fizikal serta kekuatan yang luar biasa yang tidak dapat dijelaskan dalam kudrat manusia normal. Mereka

seolah-olah diberikan kuasa spiritual untuk menjadi hebat dan gagah selepas berjaya memengal kepala musuh (Kiyai, 2021).

Selepas melakukan tinjauan awal ke atas penempatan Dayak laut di Sungai Saribas, Kepple telah mengutus surat kepada Pangiran Raja Muda Hashim untuk meminta persetujuan beliau membanterasi masalah lanun di muasa Sungai Saribas. Pangiran Muda Hashim yang sememangnya mempunyai isu dengan penduduk Iban di kawasan tersebut telah menyetujui tindakan tersebut. Sejurus selepas persetujuan tersebut, James Brooke dan Kapten Henry Kepple telah memulakan kempen *Dido* dengan menyerang tiga buah penempatan Dayak Laut di Saribas iaitu Pandeh, Paku dan Rimbas. Serangan di Pandeh dilakukan pada tahun 11 Jun 1843 apabila Rajah Brooke dan Keppel mengatur satu ekspedisi untuk menyerang Dayak Iban yang diketuai oleh Orang Kaya Pemancha Dana yang dikatakan sering membuat huru hara di Saribas. Askar Rajah Brooke telah membakar rumah panjang Orang Kaya Pemancha Dana di Nanga Padeh, Saribas untuk mendapatkan Rentap. Rajah Brooke telah mengarahkan Orang Kaya Pemancha Dana, Linggi dan seorang lagi pengikut Linggi untuk menyerahkan Rentap supaya membuat perjanjian perdamaian dan tidak menjalankan aktiviti *Ngayau* lagi. Namun Rentap enggan mendengar dan mematuhi permintaan Brooke. Atas sebab keingkaran Rentap memenuhi kehendak James Brooke, pada 19 Ogos 1844 askar Brooke yang diketuai oleh Datuk Patinggi Ali menyerang tempat kediaman Rentap di Kerangan Peris Skrang, namun serangan itu berjaya dipatahkan oleh Rentap dan pengikutnya.

Kemudian pada 14 Jun 1843, askar Brooke telah menyerang sebuah rumah panjang yang didiami oleh Linggir di Kerangan Pinggai, Paku. Seterusnya pada 17 Jun 1843, askar Brooke telah menyerang rumah panjang Rekaya Antau “*Lingga Neneri*” dan *Rekaya Gun* “*Mangku Bumi*” di Sungai Tawai, Rimbas (Kepple, 1843). Walau bagaimana pun kempen penghapusan lanun yang dijalankan oleh Kepple dan James Brooke tersebut tidak berlaku secara total kerana terdapat beberapa buah penempatan di Saribas tidak dapat diakses masuk oleh kapal ekspedisi disebabkan laluan yang sangat sempit untuk kapal mereka yang terlalu besar. Secara tidak langsung, kempen tersebut tidak memberikan impak yang besar kepada masyarakat Iban kerana mereka berjaya melarikan diri dari serangan pihak tentera Brooke.

Kapten Henry Kepple turut membuat laporan rasmi kepada Laksmana Muda Sir Thomas Cochrane bahawa dia telah menerima maklumat dari pasukan perisiknya bahawa terdapatnya satu konspirasi terancang daripada lanun yang diketuai oleh dua orang pemimpin Melayu yang ingin mencabar kekuasaan Brooke di Sarawak. Beliau menyifatkan dengan penuh perasaan serkap jarang dengan mengatakan bahawa kuasa tersebut adalah sangat kuat melebihi daripada kekuasaan Eropah. Tambahan lagi hujah beliau turut disokong dengan surat Pangiran Hashim yang meminta pertolongan untuk menghapuskan kegiatan lanun di Sarawak. Selain itu, berdasarkan surat James Brooke yang dijumpainya, beliau mengatakan bahawa lanun Iban dari Skrang telah bangkit berkuasa dan sudah tiba masanya untuk Kepple menangkap dan menghapuskan lanun Iban Skrang daripada terus menganas di muara Sungai Saribas (Lewis, 2019).

Pada tahun 1844, Brooke dan angkatan askarnya telah melakukan misi serangan kedua dengan menggunakan kapal H.M.S Dido iaitu sebuah kapal perang wap *Phlegethon* milik *East India Company* yang dibawakan khas dari Singapura untuk menyerang dan memusnahkan pangkalan Dayak Laut. Kelebihan penggunaan kapal wap kali ini adalah sesuai untuk digunakan bagi operasi sungai, terutamanya di muara Sungai Borneo yang berlumpur dan cetek. Kekuatan wapnya itu akan memudahkannya untuk bergerak secara automatik dan menunda kapal yang lainnya. Penggunaan kapal wap *Phlegethon* yang digunakan dalam operasi lanun Brooke telah diselar oleh Gabenor baharu Singapura iaitu Kolonel William Butterworth yang menyifatkan bahawa tindakan tersebut adalah satu bentuk penyiksaan dan penindasan oleh ‘perintah Kepple’ untuk ekspedisi Skrang dengan menggunakan nama James Brooke. Walau bagaimanapun, operasi lanun tersebut tetap dilaksanakan apabila pada 29 Julai 1844 Kapal Dido kembali ke Kuching dan berangkat untuk ekspedisi pada 5 Ogos 1844 dengan bantuan Pangeran Badaruddin serta bala tenteranya untuk menyerang penempatan Dayak Laut yang pada ketika itu telah dipimpin oleh Pangiran Indera Mahkota (yang telah disisihkan dalam pentabiran Kesultanan Brunei) bersama-sama dengan Sherif Sahap, Sherif Jaffar, dan Sherif Mulla.


Gerakan pertama Kepple adalah menyerang kubu Sherif Sahap di Patusan, sebuah penempatan terpencil di Sarawak. Kedatangan bala tentera Brooke menuju ke Patusan telah diketahui oleh Sharif Mualla dan bala tenteranya yang disokong oleh Shariff Jaffar dari Lingga bersama-sama dengan Dayak Laut dari Saribas, Skrang dan Undup. Untuk sampai ke Pantusan, Kapal tentera Brooke harus melalui Lingga dahulu. Oleh itu, Sherif Jaffar yang telah menanti ketibaan kapal Brooke di Lingga membuat perancangan untuk melambat-lambatkan operasi tersebut. Di kala inilah, masyarakat Iban yang terkenal dengan taktik serangan sungai telah membina perangkap samar yang diperbuat daripada buluh-buluh runcing lalu diletakkan di sekitar Sungai Lingga. Apabila kapal *HMS Phlegethon* menghampiri Sungai Lingga pada lewat

tengah malam tersebut, separuh daripada kapal hampir karam dan tengelam kerana terkena dengan perangkap buluh yang dibuat oleh masyarakat Iban. Walaupun begitu, kapal milik Brooke berjaya melepasi perangkap tersebut dan akhirnya sampai di Patusan pada 7 Ogos 1844.

Dalam siri lainnya, catatan Kepple menjelaskan bahawa pengikut Sahap telah melepaskan tembakan yang pertama ketika Kepple bersama-sama dengan tenteranya menghampiri kubu mereka. Tembakan tersebut telah dibalas oleh tentera Inggeris dengan membakar pengkalan kubu mereka. Namun demikian, Sheriff Sahap berjaya meloloskan diri daripada kebakaran tersebut dan telah melarikan diri ke kubu adiknya iaitu Sherif Mualla di Lingga, Batang Lumar. Tentera Brooke yang telah diserang oleh Sheriff Sahap dan Dayak Laut, berjaya ditepis oleh Brooke walaupun ramai yang terkorban. Perangangan tersebut tidak hanya terhenti disitu, Pangiran Mahkota dan Sheriff Mullah telah membawa bala tenteranya berundur, namun telah dikejar oleh Brooke dan Kapten Henry Kepple. Pasukan Brooke telah mara ke kubu Pangiran Mahkota dan Sheriff Mulla dan berjaya memusnahkan penempatan mereka di Undup, Sri Aman. Kekalahan tersebut telah menawan Pangiran Indera Mahkota dan membawanya ke Brunei untuk diadili dan dipenjara (Keppel, 1899: Lewis, 2019).

Apabila selesai menghantar Pangiran Mahkota ke Brunei, angkatan tentera Brooke kemudianya telah mara ke Sungai Skrang bagi menyerang Dayak Laut untuk meneruskan kempen operasi penghapusan lanun. Semasa pertemputan di Skrang, Datu Patinggi Ali yang mewakili Melayu Sarawak dalam rejim tentera Brooke telah terkorban bersama-sama dengan Leftenan Wade dan 30 orang tentera Sarawak Kingdom, manakala 56 orang lagi turut menerima cedera yang parah. Keadaan yang getir dengan begitu banyak tentera Brooke yang cedera parah, tidak menghalang kempen penghapusan lanun untuk dilaksanakan. Kapten Henry Kappel tidak membuang masa begitu lama apabila beliau telah memimpin pasukannya ke Lingga untuk memburu ketua lanun iaitu Sheriff Sahap, Sheriff Jaffar dan Sheriff Mullah. Walau bagaimanapun, mereka yang diburu tersebut telah melarikan diri ke wilayah jajahan Belanda iaitu di Kalimantan (Mundy, 1848).

Asakan demi asakan yang dilakukan oleh Brooke dan sekutunya dalam membanterasi lanun di Sarawak membuatkan Dayak Laut yang dijoloki oleh orang Eropah sebagai Viking of the Eastern Seas telah memperlakukan aktiviti perlanunan mereka. Sepanjang tempoh 5 tahun tersebut, mereka telah kembali semula kepada fitrah sosial asal iaitu bercucuk tanam dan menjalankan kegiatan mengumpul hasil hutan. Selain itu, tindakan Dayak Iban di Saribas dan Skrang mendiamkan diri adalah kerana ingin mengalihkan pandangan Brooke agar tidak terlalu mengawasi pergerakan mereka. Namun pada tahun 1849, Dayak Laut dari Saribas dan Skrang telah melakukan secara mengejut serangan ke atas Sadong, Sesang, Sarikei, Paloh, Matu, Bruit dan Igan (Lewis, 2019).



Gambar 2: Perahu *bangkong* Iban (Sumber: Tom William, *The White Rajah*, 2019)

Pangiran Muda Hashim yang agak ketakutan dan tidak berdaya sekali lagi telah meminta pertolongan James Brooke untuk mengawal kemaraan lanun Dayak Laut yang berleluasa di perairan Sarawak. Pada April 1849, selepas menumpaskan serangan lanun di Samarahan menggunakan kapal Nemesis, Brooke menerima surat daripada Pangiran Muda Hashim untuk menentang Iban dari Saribas dan Skrang bagi membanterasi aktiviti perlanunan mereka. James Brooke kali ini telah dibantu oleh angkatan tentera laut dari Singapura yang diketuai oleh Kapten Farquhar (Mundy, 1848: Lewis, 2019).

Semasa ekspedisi menyerang kumpulan lanun tersebut, Kapten Farquhar telah memimpin tiga buah armada laut iaitu dengan menggunakan H.M.S *Albatross*, H.M.S *Royalist* dan H.M.S *Nemesis*. Pertempuran di Beting Marau merupakan perangkap yang telah dirancang oleh Brooke ke atas Iban Saribas sejak sekian

lama. Beliau telah menyiapkan strategi perangnya dengan menyiapkan tiga buah kapal perang untuk angkatan, di samping itu, Brooke turut menyiapkan perahu-perahu kecil yang dapat memuatkan lebih dari 3000 orang bala tentera bagi menumpaskan Iban dari Skrang dan Saribas. Malahan, Brooke turut menawarkan ganjaran wang tunai kepada orang-orang Melayu di sekitar Saribas yang diketuai oleh Laksamana Farquhar iaitu setiap satu kepala orang Iban adalah bernilai 20 Pound dan Brooke telah menjanjikan ganjaran sebanyak 3000 Pound. Kesemua jumlah *Bounties* tersebut adalah berjumlah 27 ribu Pound.

Tanggal tarikh 31 Julai 1849, James Brooke telah menjalankan sebuah modus operandi secara-besaran untuk menghapuskan Iban Saribas dan Skrang yang dianggap lanun. Beberapa hari sebelum pererangan dilakukan iaitu pada tarikh 29 Julai 1849, James Brooke telah mendapat perkhabaran daripada pasukan perisiknya bahawa Iban Saribas dan Iban Skrang bersama-sama dengan 107 buah perahu Bangkong telah turun melakukan ekspedisi *Ngayau* ke kawasan Dalat dan Matu. Mereka dilaporkan telah menyerang dan menyamun perkampungan dengan membakar, membunuh kaum lelaki dan budak serta memenggal leher mereka. Manakala kaum wanitanya telah diculik untuk dijual sebagai hamba (Tahir, et al, 2015).

Manakala, pasukan Brooke iaitu sebuah majlis angkatan perang yang diketuai oleh Brooke bersama-sama dengan kapten Farquhar serta Wallage telah memimpin pasukannya menuju ke Sungai Kalaka iaitu sebuah muara yang agak jauh daripada pasukan ekspedisi menggunakan kapal *Nemesis*. Ekspedisi Brooke ini disokong oleh 40 buah perahu, 3 buah kapal besar dari *Albatross* dan *Royalist*. Mereka telah melakukan serangan hendap secara berasingan dari mulut muara Sungai Kalaka, manakala 60 buah perahu milik Brooke yang lainnya telah menunggu secara sembunyi dan bertahan di muara Sungai Saribas. Kedua-dua buah sungai tersebut begitu dekat dan hanya terletak di tanjung Beting Marau.

Dalam catatan Brooke, beliau melaporkan sebuah armada, tidak kurang daripada 110 buah perahu yang dikendalikan lebih dari 3,500 orang Iban telah melintasi muara Sungai Kalaka pada lewat petang 31 Julai. Menyedari akan kehadiran tersebut, Brooke telah memberi isyarat kepada kapal *Albatross* menggunakan roket api namun demikian kumpulan armada tentera Iban yang diupah oleh Brooke telah bertindak secara meluru dengan merempuh perahu panjang milik pihak musuh (iaitu merujuk kepada Iban Saribas dan Skrang). Tindakan tersebut telah memaksa kapten Farquhar memindahkan kapal *Albatross* ke sekitar titik Beting Marau untuk menyekat dan memerangkap pihak lawan dari terlepas. Namun usaha tersebut berjaya dihakis apabila pihak musuh telah berpecah dengan memblok berputar semula dan menukar haluan ke laluan lain. Dianggarkan, sebanyak 17 perahu panjang milik pihak musuh telah berjaya dimusnahkan dan membunuh lebih dari tiga ratus pengikut Linggiir di sungai, manakala kira-kira lima ratus orang lagi dilaporkan mati dalam hutan atau setelah sampai ke rumah.

Semasa kemuncak pertempuran itu, Kapal *Nemesis* dilaporkan telah merempuh masuk ke tengah-tengah kumpulan perahu dan menyebabkan perahu Iban Saribas terbalik dengan penumpangnya terhumban ke celah roda pengayuh kapal. Berdasarkan kepada laporan tribunal British, sebanyak 29 orang tentera James Brooke terbunuh dan 56 cedera, namun kerosakan lebih banyak di pihak lawan apabila orang Iban yang terkorban adalah dianggarkan lebih dari 1000 orang. Terdapat di antara mereka yang terkorban bukanlah daripada kalangan pejuang Iban, tetapi merangkumi wanita, orang tua, dan kanak-kanak yang tidak bersangkut paut dengan aktiviti perlanungan. Perkara ini terjadi kerana pihak Brooke tidak dapat menawan secara keseluruhan pejuang-pejuang Iban tersebut, maka tentera Brooke telah membakar kampung sekitar kerana percaya sebahagian daripada lanun bersembunyi di kawasan tersebut. Serangan tersebut dilakukan dengan melancarkan dan menembak roket ke dalam bangunan yang diperbuat daripada kayu dan beratapkan daun.

Tindakan Brooke itu disifatkan agak radikal dan kejam oleh Joseph Hume, pemimpin radikal aktivis kemanusiaan yang berpusat di London. Hume dan penyokongnya menyifatkan Brooke sebagai ‘pemotong daging’ yang telah membunuh “orang liar” agar tunduk kepadanya (Irwin, 1986). Kenyataan tersebut telah dibidas oleh Brooke pada 31 Julai 1852 dalam Memorandum on Piracy dengan mengatakan bahawa kegiatan lanun hanya mampu ditumpaskan menggunakan kekerasaan dan penindasan (Chang, 2006).

Perbincangan

Kesan dari peristiwa Perang Beting Marau 1849 tersebut telah memberikan sebuah tampanan yang hebat kepada Iban dari Saribas dan Skrang. Kekuatan mereka sebagai sebuah komuniti yang tangkas dalam medan perang telah menjadi lemah, ini disebabkan oleh teknik perperangan yang mereka gunakan adalah tidak setanding dan relevan dengan kemajuan perang pada ketika itu. Terutamanya kelengkapan

logistik perang yang jauh ketinggalan dan bersifat tradisional berbanding dengan logistik perang yang dimiliki oleh armada Brooke. Penggunaan meriam, senapang dan kapal besar yang dimiliki oleh Brooke telah berjaya menumpaskan kekuatan Iban dari Saribas dan Skrang dalam pertempuran tersebut dan memaksa mereka untuk berundur. Sesetengah dari pengikut Rentap, telah berpaling tadah kepada kekuasaan Brooke kerana takut dan tidak yakin dengan kepimpinan beliau pada ketika itu dan disogok oleh Brooke menggunakan kekayaan material. Contohnya, pengikut Rentap iaitu Nanang dan Luyoh yang merupakan anak kepada Orang Kaya Pemancha Dana telah belot kepada Rentap dan bersekutu dengan Brooke selepas dihadiahkan dengan sebuah seramik yang indah iaitu *Tajau Rusa* (tembikar rusa) dalam sebuah rundingan tanpa pengetahuan Rentap. Manakala, pengikut yang setia bersama-sama dengan Rentap masih percaya dapat menumpaskan Brooke dan menyusun semula strategi mereka di kubu Bukit Sadok yang terletak di Betong.

Usaha Brooke dan tentera untuk menumpaskan Iban dari Saribas dan Skrang yang diketuai oleh Rentap adalah sangat sukar dan mencabar. Pahlawan Rentap dan pengikutnya telah melakukan teknik perang secara bertahanan dan menyerang balik dengan berlindung di bukit-bukit yang tinggi sebagai kubu pertahanan. Selama tempoh berperang dengan Brooke, terdapat lebih dari empat kubu yang dijadikan markas, ini termasuklah kubu di Bukit Lanjak Entimau, di kawasan Lemanank dan Engkari, kubu di Ulu Entabai di kawasan Kanowit dan Julau, dan kubu yang terakhir adalah di Bukit Stulak sebelum berpindah lalu menghembuskan nafas yang terakhir pada tahun 1870 di Karangan Panggil di Ulu Wak. Dengan berakhirnya era pemberontakan Rentap tersebut, maka kumpulan Iban dari Saribas dan Skrang telah tunduk sepenuhnya kepada kekuasaan Brooke dan amalan perang tersebut telah dihentikan untuk selamanya.

Bagi Rentap dan pengikutnya, James Brooke adalah lanun yang sebenar kerana cuba untuk merampas tanah dan memaksa penduduk peribumi di Sarawak untuk membayar cukai kepadanya. Tindakan James Brooke yang memandai-mandai dalam campur tangan hal-ehwal orang Dayak menyebabkan Iban Saribas dan Skrang sangat benci kepada pemerintahan Brooke sehingga memaksa mereka berjuang bersama-sama dengan kumpulan pemberontak yang terdiri daripada golongan Sherif dan Pangiran Mahkota dari Brunei untuk megalahkan serta membantutkan penguasaan Brooke ke kawasan mereka.

Melalui penelitian naratif sejarah Perang Beting Marau ini, terdapat beberapa analisis yang dapat di rungkaikan. Pertama adalah cerita bagaimana masyarakat Iban, amnya Iban dari Saribas dan Skrang ini menjadi kuat dan berleluasa melakukan aktiviti *Ngayau* di Sarawak. Perlu kita fahami, bahawa, dahulu konflik antara etnik sering terjadi dan sering menimbulkan kegelisahan kepada etnik-etnik peribumi yang tidak menjadikan peperangan sebagai kebudayaan dominan. Oleh itu, untuk mempertahankan komuniti dan kawasan mereka, masyarakat Iban harus beradaptasi dengan teknik peperangan *Ngayau* bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Tambahan pula, *Ngayau* pada asalnya adalah merupakan adat nenek moyang, namun tekanan daripada pihak lanun seperti lanun dari Iranun telah memaksa masyarakat Iban memobilisasikan kegiatan tersebut menjadi sebuah kewajiban. Senario ini makin menebal apabila James Brooke telah melabelkan masyarakat Iban sebagai kumpulan lanun yang ganas dan tidak bertamadun.

Kedua adalah, peristiwa Perang Beting Marau ini memperlihatkan bahawa masyarakat Iban dari Saribas dan Skrang teguh dengan pendirian mereka. Perkara ini dapat dilihat apabila James Brooke cuba untuk membuat rundingan damai dengan Orang Kaya Pemancha Dana dan pengikutnya untuk menghentikan amalan beburu kepala dan tunduk akan kekuasaan beliau. Namun, permintaan tersebut telah diperlekehkan oleh mereka, kerana mereka percaya bahawa James Brooke adalah orang luar dan tidak mempunyai kuasa terhadap mereka. Jadi, mereka tidak perlu harus takut dan tunduk sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Iban yang lain yang tunduk dan patuh dengan kekuasaan Brooke. Masyarakat Iban dari Saribas dan Skrang mempunyai semangat yang percaya diri dan mereka mengerti bahawa mereka dapat meneruskan kekuasaan tanpa perlu tunduk kepada James Brooke. Perkara ini jelas dilihat, apabila Rentap sehingga nafas terakhirnya tidak mengakui kekuasaan James Brooke di Sarawak.

Terakhir, peristiwa Perang Beting Marau ini memperlihatkan bahawa masyarakat Iban tidak mempunyai kesatuan dalam diri mereka. Perkara ini jelas terlihat apabila beberapa kumpulan masyarakat Iban yang lain turut menerima upah daripada James Brooke untuk menumpaskan Iban di Saribas dan Skrang. Perkara ini berlaku dalam ketidaksatuan orang Iban sejak awal lagi, masyarakat Iban dilihat telah meletakkan perasaan perjudis antara satu sama lain kerana faktor berlainan batang sungai. Secara tidak langsung, scenario ini telah menimbulkan semangat assabiyah yang terlalu mengagung-agungkan dari

mana asal-usul mereka. Walau bagaimanapun, semangat ini menjadi lebih baik, apabila masyarakat Iban telah memeluk agama Kristian dan mereka lebih terbuka untuk berhubung dengan masyarakat yang lain dan menwujudkan pluraliti etnik serta membuang perasaan perjudis antara satu sama lain. Peristiwa Perang Beting Marau sememangnya memberikan impak yang kekal dalam lipatan sejarah masyarakat Iban pada hari ini. Sifat orang kulit putih yang memaksa, merampas, menjarah, campurtangan dan membunuh etnik peribumi jelas dilihat dalam kisah sejarah ini. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kerakusan kuasa-kuasa Eropah untuk memenuhi keinginan mereka untuk menjajah, memonopoli, dan mengawal segala kekayaan sumber yang terdapat di Sarawak. Manifestasi yang cenderung melaung-laungkan "beban orang putih" hanyalah laungan semata-mata yang tidak menampakkan kebaikan dalam sejarah masyarakat peribumi, namun sebaliknya cuba menghapus identiti budaya peribumi dan menukarnya dengan kebudayaan Eropah melalui proses Kristianisasi, pendidikan dan sosio-budayanya. Sebelum kedatangan penjajah, masyarakat peribumi di Pulau Borneo telah mencapai kebudayaan yang jauh lebih maju, mereka berupaya memobilisasikan kebudayaan, kesenian dan ilmu pengetahuan yang kompleks pada zaman tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penulisan makalah ini adalah bertujuan untuk mengarkibkan peristiwa Perang Beting Marau sebagai satu peristiwa sejarah Malaysia dari kaca mata penulis tempatan. Benar, sejarah itu ditulis oleh orang yang menang, namun perspektif sejarah daripada masyarakat Iban akan reaksi terhadap kekejaman James Brooke dalam Perang Beting Marau perlu diketengahkan bagi mengwujudkan naratif sejarah yang natural dan tidak bersifat euro-centrik. Oleh itu, melalui penulisan ini diharap mampu memberikan kefahaman tentang konsep *Ngayau* itu sendiri dalam budaya masyarakat Iban yang sering disalahertikan kerana kekurangan pendedahan dan kupasan daripada perspektif tempatan. Peristiwa perang Beting Marau ini akan terus dikenang oleh masyarakat Iban sebagai satu cara penghormatan kepada nenek moyang yang terkorban dan tewas agar tidak tunduk kepada kuasa luar. Walaupun pada akhirnya mereka terpaksa akur kepada kekuasaan Brooke atas faktor keselamatan dan keharmonian sejagat di Pulau Borneo, namun kalimat "*Agi Idup Agi Ngelaban*" kekal abadi sebagai bukti kepahlawanan masyarakat Iban suatu ketika dahulu.

Rujukan

- A.B. Ward, (1927). *Outlines of Sarawak History 1839-1917*. Kuching: Government Printing Office
- Ali, I. (2013). Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim. *SUSURGALUR*, 1(1).pp
- Baring-Gould, S., & Bampfylde, C. A. (1909). *A history of Sarawak under its two white rajahs, 1839-1908*. H. Sotheran & Company.
- Ballak, Nararossa Peter and Samsudin, Mohd (2015) *Persaingan dan Pertapakan Kuasa-kuasa Eropah di Kepulauan Borneo menjelang Abad ke-18*. In: 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI 9) Faculty of Social Sciences Yogyakarta State University.
- Banks, E. (1947). Ancient times in Borneo. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 20(2) (142), 26-34.
- Buda, N. A., & Chuat, J. A. (2009). *Iban Pegai Rajah Brooke*. Pegari Iban Production.
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Chang, P. F. (2006). *History of Iban Settlements Around Kuching City, Sarawak*. Sarawak Press Sdn. Bhd
- Durin, A. (2014). *Tikar bemban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Dickson, M.J. (1956). *Sarawak and Its People*. Kuching: t.p.
- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2004) "Kesultanan Melayu Brunei 1850-1906: Limbang Jasad Brunei dan Brunei Roh Limbang" *Jurnal Pengajian Melayu* 14, Universiti Malaya.
- Harrisson, T. (1972). The Advent of Islam to West and North Borneo (An attempted reconstruction of some possible sequences). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 45(1) (221), 10-20.
- Hussin, N. (2008). Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800 (Geography and Trade: Importance of the Straits of Malacca to World Trade, Asia and the Malay World 1700-1800). *Akademika*, 73(1).-

- Irwin, G & Mohd Nor Ghani dan Noraini Ismail (pnyt.). (1986). *Borneo abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keppel, H. (1899). *A sailor's life under four sovereigns* (Vol. 3). Macmillan and Company, limited.
- Kiyai, G. (2021). Sejarah Budaya Ngayau Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Ngayau Culture in the Iban Community in Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6(1), 121-137.
- Lewis, A. (2019). *Rajah Brooke and the 'Pirates' of Borneo: A Nineteenth Century Public Debate on Sea Power*. (Unpublished Ph. D. Thesis). Canberra: History Program, School of Humanities and Social Sciences UNSW. University of New South Wales
- Low Kok On. (2010). Lambang semangat juang dalam legenda Rentap dan sejarah penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. *SARI- International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 151-175
- Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin. (2003). "Kemasukan dan Pemakaian Undang-Undang Inggeris di Sabah dan Sarawak: Kesannya terhadap Undang-Undang Islam dan Adat" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Mujani, W. K., & Yusuf, N. (2010). Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. *SOSIOHUMANIKA*, 3(2).pp
- Mundy, Ridney. (1848). *Narrative of Events in Borneo and Celebes Done to the Occupation of Labuan from the Journal of James Brooke*. London: John Murray.
- Pringle, R. (1970). *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule*. Kuching: Sarawak Museum.
- Payne, Robert. (1991). *The White Rajahs of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- Rawlins, Joan. (1969). *Sarawak, 1839-1968*. London: MacMillan, 2nd Edition.
- Sandin, Benedict (1962). Dua Belas Bengkah Mimpi Tuai Dayak Iban. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, Benedict. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: MacMillan.
- Sarawak Population (2010) The Offical Portal of Sarawak Government.
- Saunders, Graham. 1994. *A History of Brunei*. New York. Oxford University Press.
- Tahir, A., & Mohd Noor, A. (2017). Visual Operasi Menghapus Serangan Lanun di Nusantara Dari Laporan The Illustrated London News, 1845-1872. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 22(2).
- Osman, S. (1972). Keadaan masyarakat Bumiputera Sarawak pada abad kelapan belas dan awal abad kesembilan belas: Satu tinjauan sejarah. *Malaysia in History XV*, 2.-
- Wadley, R. L. (2001). Trouble on the Frontier: Dutch-Brooke Relations and Iban Rebellion in the West Borneo Borderlands (1841-86). *Modern Asian Studies*, 35(3), 623-644.
- Ward, A. B. (1966). *Rajah's servant*. Data Paper Number 61. Southeast Asia Program, Department of Asian Studies. Cornell University, Ithaca, New York.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Quezon City: New Day Publishers.
- Walker, J. H. (2016). From Po-li to Rajah Brooke: Culture, Power and the Contest for Sarawak. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 2(2).-